



7 Mei 2018  
7 May 2018  
P.U. (A) 113

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2018

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(NO. 4) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2018**.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Kertas Komersial Islamik yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh MyHSR Corporation Sdn. Bhd. menurut Program Kertas Komersil Islam dengan nilai nominal sehingga satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00); dan

(b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Sukuk Murabahah.

**Tafsiran**

3. Dalam Perintah ini—

“jaminan Sukuk Murabahah” ertiya jaminan yang disebut dalam subperenggan 2(b);

“Sukuk Murabahah” ertiya Kertas Komersial Islamik yang disebut dalam subperenggan 2(a).